



SIARAN AKHBAR

INDEKS SENTIMEN PERNIAGAAN (BUSINESS SENTIMENT INDEX) BAGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI SEPTEMBER 2024

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan atau Business Sentiment Index (BSI) Negara Brunei Darussalam bagi September 2024. Indeks ini adalah berdasarkan kaji selidik ke atas lebih 500 buah perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana, dan besar dari 11 sektor ekonomi, di kesemua daerah di Negara Brunei Darussalam.
2. BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen atau keyakinan perniagaan di Negara Brunei Darussalam dalam berbagai aspek termasuk keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan, pelaburan, pengambilan pekerja, dan kos menjalankan perniagaan. Memandangkan BSI menggunakan pendekatan berpandangan ke hadapan, indeks ini boleh digunakan sebagai salah satu petunjuk awal keadaan makroekonomi di dalam negara.
3. Keterangan indeks adalah seperti berikut:

Nilai BSI	Ulasan
Atas 50	Keadaan yang lebih baik / Sentimen lebih optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya
50	Keadaan lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya
Bawah 50	Keadaan yang merosot / Sentimen lebih pesimistik berbanding dengan bulan sebelumnya

4. Indeks utama BSI, iaitu Sub-indeks Keadaan Perniagaan adalah 50.2 bagi September 2024. Ini menunjukkan bahawa, secara amnya, keadaan perniagaan dijangka lebih baik pada September 2024 berbanding dengan Ogos 2024. Walaupun terdapat pendapat yang berbeza di sektor yang berlainan, keadaan perniagaan secara keseluruhan dijangka bertambah baik dengan peningkatan dalam pengeluaran dan aktiviti perniagaan, serta pemuliharan permintaan domestik terhadap barang dan perkhidmatan bagi sektor-sektor tertentu dengan berakhirnya cuti penggal persekolahan yang agak panjang pada Ogos 2024. Walau bagaimanapun, sesetengah perniagaan menjangka prestasi perniagaan yang lebih rendah disebabkan oleh faktor-faktor seperti cuaca buruk, pengurangan projek, dan kerja-kerja yang tertangguh. Indeks bagi satu bulan ke hadapan berada pada tahap 50.2, menunjukkan sentimen optimistik akan berterusan dengan jangkaan peningkatan dalam permintaan barang dan perkhidmatan pada Oktober 2024 yang seterusnya akan mendorong jumlah projek dan tahap pengeluaran sepanjang bulan tersebut.

5. Sub-indeks Pelaburan adalah 50.2 bagi September 2024, 50.0 untuk satu bulan ke hadapan, dan 50.1 bagi tiga bulan ke hadapan. Selaras dengan sentimen pada bulan-bulan sebelumnya, perniagaan merancang untuk meningkatkan tahap pelaburan pada September dan bulan-bulan terdekat, tetapi pada kadar yang lebih perlahan. Ini termasuk pembelian peralatan dan mesin baharu, menaiktaraf aset yang sedia ada, penambahan stok untuk memenuhi permintaan yang dijangka lebih tinggi menjelang akhir tahun, melatih dan meningkatkan kemahiran pekerja, serta kerja-kerja pemindahan dan pengubahsuaian berkaitan dengan pengembangan premis perniagaan, termasuk pembukaan cawangan baru.
6. Sub-indeks Pengambilan Pekerja adalah 50.2 bagi September 2024 dan 50.2 bagi satu bulan ke hadapan. Meneruskan tren seperti sebelumnya, para peniaga menjangka akan terus mengambil tenaga kerja baharu, termasuk pekerja sementara, untuk mengganti pekerja yang telah berhenti dan memenuhi keperluan operasi, di samping mendukung rancangan pengembangan dan projek-projek yang sedang berjalan dan akan datang.
7. Sub-indeks Kos Perniagaan adalah 50.1 bagi September 2024 dan 49.6 bagi satu bulan ke hadapan. Secara amnya, perniagaan melaporkan kos perniagaan yang lebih tinggi pada September, selaras dengan peningkatan dalam aktiviti dan jumlah pekerja. Tambahan pula, sesetengah perniagaan mengongsikan peningkatan kos penyelenggaraan dan pemberian akibat cuaca buruk baru-baru ini. Sementara itu, beberapa syarikat menekankan isu berterusan mengenai pembayaran daripada pelanggan yang tertangguh yang seterusnya menyebabkan mereka dikenakan bayaran faedah dan caj penalti kerana tidak dapat membuat pembayaran pinjaman tepat pada waktunya. Bagi Oktober 2024, para peniaga menjangka tahap kos operasi yang lebih rendah berbanding bulan sebelumnya kerana kebanyakan perbelanjaan khas dan bermusim berkaitan dengan penyelenggaraan, persiapan untuk projek baharu, dan permintaan hujung tahun telah dibuat pada bulan September.

BSI September 2024	
Keadaan Perniagaan	
Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan	50.2
Pelaburan	50.2
Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan	50.0
Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan	50.1
Pengambilan Pekerja	50.2
Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan	50.2
Kos Perniagaan	50.1
Kos Satu Bulan ke Hadapan	49.6

8. Dari segi sektor ekonomi, tujuh daripada 11 sektor menjangka keadaan perniagaan yang optimistik pada September 2024. Sektor Kewangan & Insurans menunjukkan sentimen optimistik tertinggi dengan indeks 50.4 dengan jangkaan peningkatan dalam aktiviti perniagaan serta penjualan produk baharu. Sektor Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan mengaitkan sentimen optimistik kepada tahap pengeluaran dan permintaan yang lebih tinggi selepas berakhirnya tempoh cuti penggal persekolahan. Seterusnya, sektor-sektor Minyak & Gas dan yang Berkaitan, Perdagangan Borong & Runcit, Hotel & Restoran, Pembuatan, dan Perkhidmatan Lain juga berpandangan optimistik, didorong oleh jangkaan peningkatan

dalam pengeluaran dan jualan serta perbelanjaan dalam negeri yang lebih tinggi. Hanya sektor Pengangkutan & Komunikasi melaporkan sentimen pesimistik bagi September 2024, terutamanya kerana bulan tersebut adalah di luar musim bagi sektor pengangkutan, manakala beberapa perniagaan dalam sektor ini juga menghadapi isu pembayaran tertangguh daripada pelanggan mereka. Sementara itu, sektor Pembinaan, Harta Tanah & Pemilikan Kediaman dan Kesihatan & Pendidikan melaporkan keadaan perniagaan yang lebih kurang sama seperti Ogos 2024.

Keadaan Perniagaan September 2024 Mengikut Sektor	
Kewangan & Insurans	50.4
Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan	50.3
Minyak & Gas dan yang Berkaitan	50.2
Perdagangan Borong & Runcit	50.2
Hotel & Restoran	50.2
Pembuatan	50.1
Perkhidmatan Lain	50.1
Pembinaan	50.0
Harta Tanah & Pemilikan Kediaman	50.0
Kesihatan & Pendidikan	50.0
Pengangkutan & Komunikasi	49.9

9. Dari segi indeks mengikut saiz perniagaan, hanya perniagaan bersaiz besar menjangka keadaan perniagaan yang lebih baik pada September 2024 berbanding dengan bulan sebelumnya. Secara amnya, perniagaan berkaitan menjangkakan peningkatan dalam aktiviti dengan tahap pengeluaran dan permintaan yang lebih tinggi sepanjang bulan September. Sementara itu, perniagaan bersaiz mikro, kecil dan sederhana menjangka keadaan perniagaan yang lebih kurang sama dengan Ogos 2024.

Keadaan Perniagaan September 2024 Mengikut Saiz	
Mikro	50.0
Kecil	50.0
Sederhana	50.0
Besar	50.2


10. Carta untuk BSI dan sub-indeksnya sejak Ogos 2020 adalah di LAMPIRAN 1. Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik di laman web BDCB di www.bdcb.gov.bn. Orang ramai juga boleh mengikuti perkembangan BSI melalui siaran akhbar yang akan datang dan akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 3 Jamadilawal 1446H / 5 November 2024M
Ruj: BDCB/COMMS/3


LAMPIRAN 1

Keadaan Perniagaan



Nota: Bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan keadaan perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini. Bagi Keadaan Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.


Pelaburan



Nota: Bagi Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini manakala Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan tiga bulan ke hadapan berbanding bulan kaji selidik dikandalikan.


Bagi Pelaburan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan pelaburan berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan pelaburan berbanding bulan sebelumnya.

Pengambilan Pekerja



Nota: Bagi Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pengambilan pekerja satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini. Bagi Pengambilan Pekerja, indeks yang melebihi 50 menunjukkan penambahan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan lebih kurang sama/tiada perubahan ke atas jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya.


Kos



Nota: Bagi Kos Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan kos perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.


Bagi Kos Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan kos. Indeks pada paras 50 menunjukkan kos yang lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan penurunan kos.

BSI mengikut sektor ekonomi bagi Ogos 2020 hingga September 2024



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

Sentimen Menurut Saiz Perniagaan



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.